

Headline	Penglibatan belia dalam aktiviti masjid semakin meningkat		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	06 Aug 2012	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	60,000
Page No	42	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	105 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 420
Frequency	Daily	PR Value	RM 1,260



## Penglibatan belia dalam aktiviti masjid semakin meningkat

**SABAK BERNAM** - Golongan belia disarankan agar mengikuti program anjuran masjid dan surau sekitar daerah ini bagi memastikan mereka sentiasa mendapat pendedahan mengenai ilmu agama.

Difahamkan, terdapat peningkatan dalam penglibatan belia menerusi program yang dianjurkan oleh pihak masjid dan surau.

Ketua Imam Masjid Sultan Hishamuddin Sabak Bernam, Kamal Salan, 55, berkata, pertambahan golongan belia dalam program anjuran masjid tersebut amat

memberangsangkan dan mendapat sambutan yang menggalakkan.

"Dalam program tadarus yang dijalankan pada tahun sudah, jumlah belia yang mengikuti program tersebut adalah seramai 20 orang manakala pada tahun ini pula, seramai 40 orang telah mengambil bahagian," katanya.

Kamal berkata, pihaknya bersepakat mengadakan beberapa program lagi selepas musim perayaan akan datang dan mengharapkan pertambahan penyertaan.

"Kita yakin pada program akan

datang, penyertaan akan meningkat berdasarkan bertambahnya kesedaran remaja," katanya.

"Kewujudan program tersebut adalah bagi menarik lagi ramai belia bagi mengunjungi masjid selain menjadikannya tempat menuntut ilmu.

"Kita akan menjalan program pengurusan jenazah uzur khusus yang mempunyai sakit seperti HIV atau Aids," katanya.

Menurutnya, program seumpama ini dapat menarik minat remaja berikutan masalah sosial yang semakin berleluasa pada masa kini.